

Bil. S 74

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 4), 2006

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran.
2. Pengisytiharan tempat terkawal.
3. Pihak berkuasa.
4. Pemansuhan GN 419/98.

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGGAJAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 4), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal (Bil. 4), 2006.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual kepada Perintah ini, yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Pihak berkuasa.

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual kepada Perintah ini adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

Pemansuhan GN 419/98.

4. GN 419/98 adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL

Tempat	Nombor Pelan	Pihak Berkuasa
Pejabat Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, No. 16, 17 dan 20 Lot 43203, Kawasan Consultant Quarters, Kampung Anggerek Desa, Mukim Berakas, Daerah Brunei dan Muara.	GT060001BM bertarikh 15hb. Februari, 2006.	Pengarah, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Diperbuat pada hari ini 10 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 8 haribulan Mei, 2006.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO PADUKA
HAJI AWANG ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA HAJI AWANG MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.